
	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	Keluaran :01
		Pindaan :
	Dasar Keselamatan ICT MDHS	Tarikh :01/10/2011
		Mukasurat :1

Nama/Jawatan	Tandatangan	Tarikh
Disediakan oleh: Azlida binti Mohd Ali Penolong Pegawai Teknologi Maklumat		
Diperakukan oleh: Kamaruzzaman bin Abdul Rahman Pegawai Tadbir Jabatan Khidmat Pengurusan		
Diluluskan oleh: Tuan Tukiman bin Nail Yang DiPertua Majlis Daerah Hulu Selangor		

No. Salinan	Dikeluarkan Kepada

	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	Keluaran :01
		Pindaan :
	Dasar Keselamatan ICT MDHS	Tarikh :01/10/2011
		Mukasurat :2

BAB 1: PENDAHULUAN

1. PENGENALAN

Dasar Keselamatan ICT mengandungi peraturan-peraturan yang perlu dibaca dan dipatuhi dalam menggunakan aset teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS). Dasar ini juga menerangkan kepada semua pengguna di MDHS mengenai tanggungjawab dan peranan mereka dalam melindungi aset ICT MDHS..

2. OBJEKTIF

Dasar Keselamatan ICT MDHS diwujudkan untuk memastikan tahap keselamatan ICT MDHS terurus dan dilindungi bagi menjamin kesinambungan urusan MDHS dengan meminimumkan kesan insiden keselamatan ICT.


3. SKOP

Dasar ini meliputi semua sumber atau aset ICT yang digunakan seperti:

- a) Maklumat (contoh:fail, dokumen, data elektronik)
- b) Perisian (contoh: aplikasi dan sistem perisian)
- c) Fizikal (contoh: komputer, peralatan komunikasi dan pelayan)

4. PRINSIP-PRINSIP

Prinsip-prinsip yang menjadi asas kepada Dasar Keselamatan ICT MDHS dan perlu dipatuhi adalah seperti berikut:

	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	Keluaran :01
		Pindaan :
	Dasar Keselamatan ICT MDHS	Tarikh :01/10/2011
		Mukasurat :3

a) Akses Atas Dasar Perlu Mengetahui

Akses terhadap penggunaan aset ICT hanya diberikan untuk tujuan spesifik dan dihadkan kepada pengguna tertentu atas dasar “perlu mengetahui” sahaja. Ini bermakna akses hanya akan diberikan sekiranya peranan atau fungsi pengguna memerlukan maklumat tersebut.

b) Hak Akses Minimum


Hak akses pengguna hanya diberikan pada tahap yang paling minimum iaitu untuk membaca dan/atau melihat sahaja. Kelulusan adalah perlu membolehkan pengguna mewujudkan, menyimpan, mengemas kini, mengubah atau membatalkan sesuatu maklumat. Hak akses adalah dikaji dari semasa ke semasa berdasarkan kepada peranan dan tanggungjawab pengguna/bidang tugas.

c) Akauntabiliti

Semua pengguna adalah bertanggungjawab ke atas semua tindakannya terhadap aset ICT MDHS.

d) Pengasingan

Tugas mewujudkan, memadam, kemaskini, mengubah dan mengesahkan data perlu diasingkan bagi mengelakkan daripada capaian yang tidak dibenarkan serta melindungi aset ICT daripada kesilapan, kebocoran maklumat terperingkat atau di manipulasi. Pengasingan juga merangkumi tindakan memisahkan antara kumpulan operasi dan rangkaian.

	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	Keluaran :01
		Pindaan :
	Dasar Keselamatan ICT MDHS	Tarikh :01/10/2011
		Mukasurat :4

e) Pengauditan

Pengauditan adalah tindakan untuk mengenalpasti insiden berkaitan keselamatan atau mengenalpasti keadaan yang mengancam keselamatan. Ia membabitkan pemeliharaan semua rekod berkaitan tindakan keselamatan. Oleh yang demikian, aset ICT seperti komputer, pelayan(*server*), *router*, *firewall*, antivirus, pencetak dan rangkaian hendaklah ditentukan dapat menjana dan menyimpan log tindakan keselamatan atau *audit trail*.

f) Pematuhan


Dasar Keselamatan ICT MDHS hendaklah dibaca, difahami oleh semua lapisan kakitangan dan dipatuhi bagi mengelakkan sebarang bentuk pelanggaran ke atasnya yang boleh membawa ancaman kepada keselamatan ICT.

e) Pemulihan


Pemulihan sistem amat perlu untuk memastikan kebolehsediaan dan kebolehcapaian. Objektif utama adalah untuk meminimumkan sebarang gangguan atau kerugian akibat daripada ketidaksediaan. Pemulihan boleh dilakukan melalui aktiviti penduaan (*backup*) dan pengwujudan pelan pemulihan bencana/kesinambungan perkhidmatan.

f) Saling Bergantungan

Setiap prinsip di atas adalah saling lengkap melengkapi dan bergantung antara satu sama lain. Dengan itu, tindakan mempelbagaikan pendekatan dalam menyusun dan mencorakkan mekanisme keselamatan ICT di MDHS adalah perlu bagi menjamin keselamatan


	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	Keluaran :01
		Pindaan :
	Dasar Keselamatan ICT MDHS	Tarikh :01/10/2011
		Mukasurat :5

ICT yang maksimum di MDHS.

	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	Keluaran :01
		Pindaan :
	Dasar Keselamatan ICT MDHS	Tarikh :01/10/2011
		Mukasurat :6

BAB 2 : PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN DASAR


Dasar Keselamatan ICT	Tanggungjawab
<p>2.1 Pelaksanaan Dasar</p> <p>Tuan Yang DiPertua adalah bertanggungjawab ke atas pelaksanaan arahan yang dibantu oleh Ketua Bahagian Teknologi Maklumat dan lain-lain pegawai yang dilantik.</p>	Yang DiPertua MDHS
<p>2.2 Penyebaran Dasar</p> <p>Dasar ini perlu disebar kepada semua pengguna ICT MDHS (termasuk kakitangan, pembekal, pakar runding dan lain-lain pihak yang berurusan dengan MDHS)</p>	Ketua Bahagian Teknologi Maklumat
<p>2.3 Penyelenggaraan Dasar</p> <p>Dasar Keselamatan ICT MDHS adalah tertakluk kepada semakan dan pindaan dari semasa ke semasa selaras dengan perubahan teknologi, aplikasi, prosedur, perundangan dan kepentingan organisasi.</p> <p>Prosedur yang berhubung dengan penyelenggaraan Dasar Keselamatan ICT MDHS adalah seperti berikut:</p>	Ketua Bahagian Teknologi Maklumat

	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	Keluaran :01
		Pindaan :
	Dasar Keselamatan ICT MDHS	Tarikh :01/10/2011
		Mukasurat :7

- a. Mengkaji semula dasar ini sekurang-kurangnya sekali setahun bagi mengenal pasti dan menentukan perubahan yang diperlukan.
- b. Mengemukakan cadangan pindaan secara bertulis kepada Ketua Bahagian Teknologi Maklumat. Memaklumkan perubahan yang telah dipersetujui kepada semua pengguna.


2.4 Pemakaian Dasar

Dasar Keselamatan ICT MDHS adalah terpakai kepada semua pengguna ICT MDHS tanpa sebarang pengecualian diberikan.


	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	Keluaran :01
		Pindaan :
	Dasar Keselamatan ICT MDHS	Tarikh :01/10/2011
		Mukasurat :8

BAB 3 : STRUKTUR ORGANISASI KESELAMATAN ICT MDHS


Pegawai	Peranan dan Tanggungjawab
1. Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan	<ul style="list-style-type: none"> i. Memastikan setiap pengguna memahami peruntukan- peruntukan yang ada di bawah Dasar Keselamatan ICT MDHS. ii. Memastikan semua pengguna mematuhi Dasar Keselamatan ICT MDHS. iii. Memastikan semua keperluan di MDHS seperti sumber kewangan dan kakitangan adalah mencukupi. iv. Memastikan semua dasar yang telah ditetapkan dan dipersetujui oleh pengurusan dilaksanakan sepenuhnya di kalangan kakitangan MDHS.
2. Penolong Pegawai Teknologi Maklumat / Pegawai Keselamatan ICT (ICTSO)	<ul style="list-style-type: none"> i. Menentukan keperluan ICT di MDHS. ii. Mengurus keseluruhan Dasar Keselamatan ICT MDHS. iii. Menguatkuasakan Dasar Keselamatan ICT MDHS.

	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	Keluaran :01
		Pindaan :
	Dasar Keselamatan ICT MDHS	Tarikh :01/10/2011
		Mukasurat :9

	<p>iv. Memberi penerangan dan pendedahan berkaitan Dasar Keselamatan ICT.</p> <p>v. Mewujudkan garis panduan, prosedur dan tatacara selaras dengan keperluan Dasar Keselamatan ICT MDHS.</p> <p>vi. Menjalankan audit terhadap hasil penemuan dan menyediakan laporan.</p> <p>vii. Memberi amaran terhadap sebarang ancaman berbahaya seperti serangan virus dan memberi khidmat nasihat serta menyediakan langkah-langkah keselamatan. Di MDHS, perisian antivirus yang digunapakai ialah Bit Defender Antivirus.</p> <p>viii. Melaporkan sebarang insiden keselamatan ICT kepada GCERT MAMPU.</p> <p>ix. Bekerjasama dengan semua pihak yang berkaitan dalam mengenalpasti punca ancaman atau insiden keselamatan ICT dan memperakukan langkah-langkah baik pulih dengan kadar segera.</p> <p>x. Menyediakan dan melaksanakan program-program kesedaran mengenai keselamatan ICT.</p>
--	---

	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	Keluaran :01
		Pindaan :
	Dasar Keselamatan ICT MDHS	Tarikh :01/10/2011
		Mukasurat :10

<p>3. Penolong Pegawai Teknologi Maklumat / Juruteknik Komputer</p>	<p>i. Mengambil tindakan yang bersesuaian dengan segera apabila dimaklumkan mengenai kakitangan yang berhenti, bertukar, bercuti atau berlaku perubahan dalam bidang tugas. (contoh: penukaran dan penghapusan katalaluan sistem yang digunakan oleh kakitangan).</p> <p>ii. Memantau aktiviti capaian harian pengguna.</p> <p>iii. Mengenalpasti aktiviti-aktiviti yang tidak normal seperti pencerobohan dan pengubahsuaian data tanpa kebenaran, melayari laman-laman web yang tidak dibenarkan dan sebagainya.</p>
<p>4. Pengguna</p>	<p>i. Membaca, memahami dan mematuhi Dasar Keselamatan ICT MDHS.</p> <p>ii. Mengetahui dan memahami implikasi keselamatan ICT dari sudut kesan dan tindakannya.</p> <p>iii. Melaksanakan arahan-arahan Dasar Keselamatan ICT MDHS dan menjaga kerahsiaan maklumat MDHS.</p> <p>iv. Melaporkan sebarang aktiviti yang mengancam keselamatan ICT kepada ICTSO dengan segera.</p>


	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	Keluaran :01
		Pindaan :
	Dasar Keselamatan ICT MDHS	Tarikh :01/10/2011
		Mukasurat :11

v. Menghadiri program-program kesedaran mengenai keselamatan ICT.

vi. Menghalang pendedahan maklumat kepada pihak luar atau pihak yang tidak dibenarkan.

vii. Menjaga kerahsiaan katalaluan dari masa ke semasa.

viii. Memberi perhatian kepada sebarang maklumat terperingkat terutama semasa pemprosesan, penyimpanan, penghantaran, penyampaian, pertukaran dan pemusnahan.

	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	Keluaran :01
		Pindaan :
	Dasar Keselamatan ICT MDHS	Tarikh :01/10/2011
		Mukasurat :12

BAB 4 : TATACARA PENGGUNAAN KEMUDAHAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DI MDHS


4.1 Tujuan Penggunaan

Kemudahan ICT yang disediakan adalah bagi memberikan kemudahan kepada kakitangan di dalam memberikan perkhidmatan kepada orang awam. Teknologi maklumat adalah merupakan tulang belakang kepada MDHS di dalam memastikan perkhidmatan yang efisien dapat diberikan kepada orang awam.

4.2 Tatacara Penggunaan Kemudahan Teknologi Maklumat

Berikut adalah tatacara penggunaan kemudahan teknologi maklumat di MDHS berdasarkan kepada Arahan Keselamatan.

ARAHAN KESELAMATAN	FUNGSI
1. Keselamatan Perkakasan dan Persekitaran	<p>i. Setiap pegawai dan staf yang diberikan kemudahan komputer hendaklah memastikan semua perkakasan komputer serta rangkaian yang diberikan dijaga dengan rapi dan diletakkan pada lokasi yang selamat.</p> <p>ii. Setiap komputer yang disediakan perlulah dikenalpasti pemilik yang bertanggungjawab menggunakannya. Pegawai yang bertanggungjawab perlu merekodkan butir-butir perkakasan tersebut</p>


	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	Keluaran :01
		Pindaan :
	Dasar Keselamatan ICT MDHS	Tarikh :01/10/2011
		Mukasurat :13

seperti no siri , pemilik dan jabatan di dalam buku rekod selepas perkakasan tersebut diterima di BTM.

iii. PC yang digunakan secara perkongsian antara staf tidak sepatutnya menyimpan maklumat yang penting dan maklumat peribadi seperti gambar dan sebagainya di dalam cakera keras (*hard disk*). Data/maklumat tersebut perlu disimpan di dalam CD,pendrive,*external harddisk* dan sebagainya sebagai pendua.

iv. Terminal yang mempunyai talian internet dan LAN (*Local Area Network*) boleh berkongsi maklumat dan pencetak dengan menggunakan kemudahan *file* dan *printer sharing* yang terdapat pada konfigurasi rangkaian Microsoft. Pengguna tidak dibenarkan berkongsi keseluruhan data kecuali bagi fail-fail atau folder tertentu sahaja. Folder atau fail tersebut perlulah diletakkan katalaluan bagi memastikan fail tersebut tidak diakses oleh orang yang tidak sepatutnya.

v. Pengguna adalah dilarang memindahkan lokasi asal terminal tanpa kebenaran pegawai yang berkenaan.


	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	Keluaran :01
		Pindaan :
	Dasar Keselamatan ICT MDHS	Tarikh :01/10/2011
		Mukasurat :14

vi. Pengguna adalah dilarang menukar komponen-komponen asal PC yang dibekalkan tanpa kebenaran daripada Bahagian Teknologi Maklumat, MDHS. Sekiranya BTM dapat mengesan sebarang penukaran pada komponen asal PC, memo peringatan akan dikeluarkan dan diminta memberikan penjelasan.


vii. PC/terminal hendaklah dipadamkan sebelum meninggalkan pejabat dan pastikan suis utama di terminal dan punca kuasa dipadamkan.

viii. Segala kerosakan pada PC/terminal atau komponen lain perlu dilaporkan segera kepada pegawai berkenaan dan tindakan menyelesaikan masalah kerosakan secara sendiri adalah tidak dibenarkan.


ix. Segala installasi perisian baru ke dalam cakera keras hendaklah mendapat kebenaran Bahagian Teknologi Maklumat bagi mengelakkan sebarang perisian yang tidak sah diinstall. Sekiranya dikesan terdapat perisian tidak sah diinstall, BTM berhak untuk membuang perisian tersebut secara automatik.

	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	Keluaran :01
		Pindaan :
	Dasar Keselamatan ICT MDHS	Tarikh :01/10/2011
		Mukasurat :15


	<p>x. Pegawai yang bertanggungjawab perlu memastikan aktiviti peminjaman dan pemulangan peralatan ICT direkodkan dan menyemak peralatan yang dipulangkan berada dalam keadaan baik dan lengkap.</p> <p>xi. Pegawai yang bertanggungjawab mestilah memastikan peralatan ICT yang dibawa keluar tidak mengandungi maklumat kerajaan. Ia perlu disalin dan dihapuskan.</p>
2. Penyimpanan maklumat dan data	<p>i. Sebarang maklumat dan data adalah digalakkan untuk disimpan sebagai pendua (<i>backup</i>).</p> <p>ii. Jika PC yang sama digunakan untuk menaip dokumen, pastikan ianya disalin ke dalam disket, pendrive dan CD dan dipadam dari cakera keras tersebut.</p> <p>iii. Dokumen perlu diletakkan kata laluan supaya hanya orang yang berhak sahaja dapat membukanya.</p> <p>iv. Setiap dokumen yang ditaip mestilah diberikan kata laluan supaya tidak mudah dibuka oleh orang lain yang tiada mempunyai kata laluan.</p>

	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	Keluaran :01
		Pindaan :
	Dasar Keselamatan ICT MDHS	Tarikh :01/10/2011
		Mukasurat :16

3. Penggunaan Internet	<p>i. Semua pengguna yang dibekalkan dengan talian internet adalah dilarang melayari laman-laman yang berbentuk pornografi, keganasan (<i>violence</i>), permainan video, kegiatan subversif, politik dan sebarang laman web yang tidak sihat. Sekiranya terdapat kemusykilan terhadap laman web yang dilayari, sila hubungi pegawai bertanggungjawab di Bahagian Teknologi Maklumat.</p> <p>ii. Setiap PC yang mempunyai sambungan talian internet dan rangkaian LAN adalah dipertanggungjawabkan kepada pegawai yang telah dilantik untuk menjaga dan mengawalselia peralatan tersebut. Segala aktiviti yang melanggar polisi dan etika penggunaan internet adalah dilarang sama sekali.</p> <p>iii. Pegawai yang berkenaan perlu memastikan pengawasan yang berterusan dilakukan terhadap kakitangan yang menggunakan perkhidmatan tersebut. Sekiranya terdapat pengguna yang melanggar polisi keselamatan hendaklah dilaporkan kepada Ketua Jabatan dan surat amaran dikeluarkan.</p>
------------------------	---

	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	Keluaran :01
		Pindaan :
	Dasar Keselamatan ICT MDHS	Tarikh :01/10/2011
		Mukasurat :17

	<p>iv. Terminal internet perlu ditempatkan di lokasi yang selamat dan hanya boleh diakses oleh pegawai dan staf yang dibenarkan sahaja.</p> <p>v. Menghadkan penggunaan akses ke internet untuk mengurangkan kesesakan rangkaian dan mengurangkan penyebaran virus.</p> <p>vi. Penggunaan disket dan pendrive pada PC yang mempunyai talian internet tidak digalakkan bagi mengurangkan ancaman virus. Pengguna dinasihatkan untuk membuat <i>scanning virus</i> terlebih dahulu sebelum menggunakannya.</p>
<p>4. Penggunaan Perkhidmatan Email</p>	<p>i. Perkhidmatan e-mel yang diberikan hanya boleh digunakan bagi kegiatan rasmi dan hal-hal yang tidak melibatkan rahsia perkhidmatan/negara.</p> <p>ii. Pemilik akaun e-mel dilarang untuk menghantar e-mel yang berunsur fitnah, ugutan dan hasutan yang boleh mengancam ketenteraman awam.</p> <p>iii. Pemilik akaun e-mel juga adalah dilarang untuk menyebarkan spam atau <i>junk mail</i> kepada pengguna lain.</p>

	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	Keluaran :01
		Pindaan :
	Dasar Keselamatan ICT MDHS	Tarikh :01/10/2011
		Mukasurat :18


iv. Akaun rasmi e-mel yang didaftarkan di bawah MDHS hanya boleh digunakan untuk tujuan rasmi sahaja. Pemilik akaun tidak dibenarkan sama sekali menggunakan akaun tersebut untuk tujuan peribadi dan komersial. (Pendaftaran forum, groups dan sebagainya).

v. Pengguna hendaklah memastikan setiap fail kepilan (*attachment file*) yang dihantar tidak melebihi 10 Megabait (mb) untuk setiap kali penghantaran. Kaedah mampatan (*compression*) untuk mengecilkan saiz dokumen adalah digalakkan.


vi. Segala fail kepilan yang diterima daripada agensi luar adalah digalakkan diimbis (*scan*) terlebih dahulu bagi mengelakkan penyebaran virus.

vii. E-mel yang tidak penting dan tidak diperlukan hendaklah dihapuskan (*delete*) dari folder inbox dan Trashed/Deleted Item masing-masing.


viii. Pemilik akaun e-mel juga perlu melaporkan dengan kadar segera apabila menerima e-mel dan fail kepilan yang tidak diketahui pengirimnya serta meragui asal-usulnya. Pemilik e-mel juga boleh terus menghapuskan e-mel tersebut sekiranya

	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	Keluaran :01
		Pindaan :
	Dasar Keselamatan ICT MDHS	Tarikh :01/10/2011
		Mukasurat :19


	<p>meragui kesahihan e-mel tersebut.</p> <p>ix. Pemilik akaun e-mel rasmi yang sudah berpindah dan bersara dari perkhidmatan di MDHS hendaklah memaklumkan kepada Bahagian Teknologi Maklumat bagi membolehkan akaun beliau dipadam.</p>
5. Jejak audit	<p>i. Pegawai yang bertanggungjawab ke atas keselamatan ICT perlu melakukan pemeriksaan terhadap setiap PC terutamanya yang mempunyai talian internet dari masa ke semasa.</p> <p>ii. Pegawai berikut juga perlu memeriksa setiap peralatan serta komponen-komponen yang dibekalkan tidak ditukar dan nombor siri setiap komponen adalah sama seperti yang dibekalkan.</p> <p>iii. Perisian antivirus yang dipasang pada PC tersebut perlu diperiksa dan berada dalam keadaan <i>up-to-date</i>.</p> <p>iv. Pengaudit perlu memastikan sistem pengoperasian yang digunakan telah dipasang dengan <i>patches</i> terkini yang boleh dimuat turun melalui internet.</p>

	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	Keluaran :01
		Pindaan :
	Dasar Keselamatan ICT MDHS	Tarikh :01/10/2011
		Mukasurat :20


	<p>v. Pengaudit perlu memastikan cakera keras sesebuah PC tidak dikongsi keseluruhannya, hanya <i>folder</i> sahaja dibenarkan dan katalaluan perlu diletakkan pada <i>folder</i> tersebut.</p> <p>vi. Pengaudit perlu memeriksa fail log yang terdapat pada pelayar internet (<i>internet browser</i>) dan fail log pada windows untuk memastikan segala arahan garis panduan penggunaan e-mel dan internet dipatuhi.</p>
6. Virus	<p>i. Setiap PC sama ada mempunyai talian internet ataupun tidak mestilah dilengkapi dengan perisian antivirus yang mempunyai lesen yang sah.</p> <p>ii. Perisian antivirus yang dipasang di semua PC perlu dikemaskini(<i>update</i>) dari masa ke semasa termasuk juga dengan definisi virus(<i>virus definition</i>).</p> <p>iii. Pengguna perlu melakukan pengimbasan (<i>scanning</i>) ke atas PC/disket/pendrive/cakera keras mengikut jadual yang ditetapkan ataupun setiap kali ingin menggunakannya. Sekiranya terdapat petanda yang menunjukkan virus aktif, segera laporkan kepada pegawai yang bertanggungjawab.</p>

	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	Keluaran :01
		Pindaan :
	Dasar Keselamatan ICT MDHS	Tarikh :01/10/2011
		Mukasurat :21


	<p>iv. Sebarang keraguan atau ketidakpastian tentang kestabilan sistem pada PC yang dipercayai berpunca daripada virus perlu dilaporkan kepada pegawai yang bertanggungjawab untuk tindakan selanjutnya.</p> <p>v. Pegawai yang bertanggungjawab perlu memaklumkan maklumat-maklumat terkini mengenai virus terbaru dan tindakan yang harus diambil supaya virus tersebut tidak tersebar. (Penyebaran maklumat melalui <i>leaflet</i> dan latihan kepada staf)</p>
7. Kata Kunci (<i>password</i>)	<p>i. Kata laluan yang digunakan mestilah mengandungi gabungan simbol, nombor dan huruf yang panjangnya tidak kurang dari lapan (8) aksara.</p> <p>ii. Kata laluan perlu diubah setiap sekurang-kurangnya sebulan sekali.</p> <p>iii. Jangan sekali-kali menggunakan kata laluan yang sama dalam tempoh yang terlalu lama.</p> <p>iv. Kata laluan adalah rahsia peribadi dan perlu dihafal dan tidak boleh disalin di mana-mana media.</p>

	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	Keluaran :01
		Pindaan :
	Dasar Keselamatan ICT MDHS	Tarikh :01/10/2011
		Mukasurat :22


<p>8. Pelan Pemulihan Bencana (<i>Disaster Recovery Plan</i>)</p>	<p>i. Setiap sistem aplikasi mesti membuat <i>back-up</i> (pendua) yang mencukupi secara berkala.</p> <p>ii. Proses <i>back-up</i> dan proses <i>restore</i> mesti didokumentasikan dan dilakukan oleh pegawai yang ditetapkan.</p> <p>iii. Setiap sistem perlu mempunyai <i>Disaster Recovery Center</i> (DRC) yang merupakan lokasi yang berbeza. (Dalam perancangan pelaksanaan di MDHS).</p> <p>iv. Sebarang peralatan yang digunakan mesti dilengkapi dengan sistem sokongan contohnya <i>Uninterrupted Power Supply</i> (UPS). (Server)</p> <p>v. Setiap proses kritikal (aplikasi /rangkaihan/sistem) hendaklah mempunyai Pelan Pemulihan bencana yang didokumentasikan.</p>
<p>9. Keselamatan Rangkaian</p>	<p>i. MDHS dan beberapa pejabat cawangan dibekalkan dengan Perkhidmatan Rangkaian Luas atau <i>Wide Area Network</i> (WAN) dan Perkhidmatan Rangkaian Setempat atau <i>Local Area Network</i> (LAN).</p>

	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	Keluaran :01
		Pindaan :
	Dasar Keselamatan ICT MDHS	Tarikh :01/10/2011
		Mukasurat :23


	<p>ii. <i>Firewall</i> disediakan bagi menjaga keseluruhan keselamatan rangkaian.</p> <p>iii. Perkongsian fail hanya dibenarkan kepada pengguna di setiap tingkat sahaja. (Contoh: Pengguna di tingkat 2 hanya boleh berkongsi fail dengan pengguna di tingkat 2 sahaja dan sebaliknya).</p> <p>iv. Sentiasa menukar kata laluan server pada setiap bulan.</p> <p>v. Memastikan port/service yang berkaitan tidak ditutup.</p> <p>vi. Pegawai bertanggungjawab perlu memastikan kemudahan rangkaian WAN dan LAN tidak digunakan untuk kepentingan peribadi atau komersial.</p> <p>vii. Pegawai bertanggungjawab juga perlu memastikan nod-nod sedia ada tidak dipindahkan tanpa kebenaran atau pengetahuan Bahagian Teknologi Maklumat.</p>
--	---

	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	Keluaran :01
		Pindaan :
	Dasar Keselamatan ICT MDHS	Tarikh :01/10/2011
		Mukasurat :24

10. Inventori	<p>i. Pengguna yang bertanggungjawab hendaklah bertanggungjawab menjaga keselamatan perkakasan / peralatan ICT yang dipertanggungjawabkan.</p> <p>ii. Sebarang kehilangan perkakasan/peralatan ICT adalah tanggungjawab pengguna/pemilik yang dipertanggungjawabkan. Pengguna perlu mengganti semula perkakasan ICT yang telah hilang samaada dengan model yang sama atau yang sama harga dengannya.</p> <p>iii. Pegawai yang bertanggungjawab perlu memastikan aset direkodkan dalam daftar harta modal dan inventori.</p> <p>iv. Pengguna adalah tidak dibenarkan membuka Central Processing Unit (CPU) untuk tujuan meminda, mengubah, mengambil atau membuang alatan dalam CPU sama ada berlaku kerosakan atau tidak. Sebarang kerosakan atau kehilangan adalah di bawah tanggungjawab pengguna/pemilik yang dipertanggungjawabkan.</p> <p>v. Sebarang kerosakan dan kehilangan pada peralatan ICT hendaklah dilaporkan segera kepada pegawai yang bertanggungjawab di Bahagian</p>
---------------	---

	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	Keluaran :01
		Pindaan :
	Dasar Keselamatan ICT MDHS	Tarikh :01/10/2011
		Mukasurat :25

	<p>Teknologi Maklumat dan membuat laporan polis berkaitan kehilangan perralatan ICT tersebut.</p> <p>vi. Pengguna tidak dibenarkan menukar atau memindahkan kedudukan perkakasan / peralatan ICT kecuali mendapat kelulusan atau kebenaran.</p> <p>vii. Pengguna tidak dibenarkan memasukkan (<i>install</i>) perisian-perisian tanpa lesen yang tiada kaitan dengan tugas rasmi seperti perisian permainan video dan sebagainya.</p> <p>Sekiranya didapati pengguna ingkar dengan arahan, perisian tersebut akan dihapuskan (<i>delete</i>) pada PC pengguna tersebut. Pengguna yang ingin <i>install</i> mana-mana perisian untuk kegunaan rasmi harian mestilah mendapat kebenaran pegawai di Bahagian Teknologi Maklumat.</p>
11. Kawalan persekitaran	<p>i. Pegawai yang bertanggungjawab menjaga keselamatan ICT hendaklah memastikan kawasan yang mempunyai aset ICT dilengkapi dengan perlindungan keselamatan yang mencukupi seperti alat pencegah kebakaran dan sebagainya.</p> <p>ii. Pegawai yang bertanggungjawab hendaklah memastikan pengguna tidak merokok atau menggunakan peralatan elektrik berhampiran dengan peralatan komputer.</p>

	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	Keluaran :01
		Pindaan :
	Dasar Keselamatan ICT MDHS	Tarikh :01/10/2011
		Mukasurat :26

	<p>iii. Akses masuk ke bilik server hendaklah dihadkan dan hanya pegawai-pegawai yang diberi kuasa sahaja dibenarkan masuk.</p>
--	---